

11/01/1997

Kesatuan nafi bantah cadangan sekolah satu sesi

KESATUAN Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) menafikan kesatuan itu membantah pelaksanaan persekolahan satu sesi yang dicadang oleh Kementerian Pendidikan.

Ketika menafikan perkara itu, Setiausaha Agung KPPK, N Siva Subramaniam, berkata KPPK menyokong usaha kerajaan melaksanakan konsep persekolahan satu sesi, tetapi kesatuan tidak bersetuju dengan cadangan melanjutkan tempoh masa persekolahan sehingga waktu petang jika sistem itu dilaksanakan.

"Saya hairan mengapa semua pihak mendakwa KPPK menentang rancangan kerajaan melaksanakan sekolah satu sesi. Sebenarnya kita tidak bersetuju jika waktu persekolahan di negara ini dilanjutkan sehingga 4 petang."

"Semua pihak, termasuk kerajaan menyelar sikap KPPK kerana tidak mahu tunduk dengan arahan kerajaan, sedangkan kenyataan yang dibuat dalam akhbar gagal ditafsirkan dengan baik oleh pihak berkenaan," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Menurutnya, jika kerajaan melaksanakan konsep persekolahan satu sesi dengan mengekalkan jadual waktu sekarang, KPPK tidak teragak-agak untuk menyokong pelaksanaan itu.

"Tetapi apa yang ahli KPPK perolehi daripada perbincangan yang dijalankan dengan pegawai Kementerian Pendidikan, termasuk Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin ialah masa dalam persekolahan satu sesi akan dilanjutkan dari jam 8 pagi hingga 4 petang," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan bahawa kerajaan tetap akan melaksanakan persekolahan satu sesi bagi memelihara kepentingan pelajar walaupun cadangan itu tidak dipersetujui oleh KPPK.

Perdana Menteri berkata, cadangan pelaksanaan persekolahan satu sesi, yang dijadualkan berkuatkuasa pada 9 Jun depan, hanya dibantah oleh KPPK, bukan semua guru.

Sebelum ini, Dr Wan Zahid berkata, sebanyak 28 sekolah menengah seluruh negara, masing-masing dua di setiap negeri, dipilih untuk melaksanakan projek perintis sekolah satu sesi yang dijadualkan bermula 9 Jun depan.

Ketika ini, waktu persekolahan harian adalah di antara lima hingga lima setengah jam dan bermula dari jam 7.30 pagi.

Siva Subramaniam berkata, KPPK tidak bersetuju lanjutan masa yang dicadangkan kerana ia membebankan pelajar serta guru.

"Jika ia terus dilaksanakan, mungkin pelajar akan menjadi lemah dan tidak dapat menguasai pelbagai bidang ilmu yang semakin baru. Tugas guru juga semakin bertambah dan pengabaian rumah tangga mungkin berlaku".

"Kerajaan sepatutnya membuat sesuatu perancangan dengan sebaik mungkin sebelum melaksanakannya kerana ia mungkin memberi kesan negatif kepada pihak yang terbabit dengan konsep itu," katanya.

Menurutnya, KPPK menerima pandangan Perdana Menteri mengenai isu itu dan menyifatkannya sebagai komen bapa kepada anak.

Bagaimanapun, katanya, pandangan Perdana Menteri sepatutnya diikuti semua pihak, termasuk Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) seluruh negara.

"Projek ini menjadi kucar-kacir kerana ada sekolah yang sudah memulakan program itu tanpa persetujuan kerajaan terlebih dahulu," katanya.

(END)

